

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	14 August 2015

Najib saksi pertukaran MoU ECERDC dengan empat universiti

UM- 14/8/2015

PUTRAJAYA 13 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menyaksikan majlis pertukaran memorandum persefahaman (MoU) antara Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dengan empat buah universiti termasuk sebuah universiti luar di Bangunan Perdana Putra di sini.

Empat buah universiti tersebut adalah Universiti Malaysia Pahang (UMP); Universiti Sultan Zainal Abidin Terengganu (UniSZA); Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Swansea University dari United Kingdom.

Pertukaran MoU pertama melibatkan kerjasama ECERDC dengan UMP dan Swansea University antara lain bakal membuka laluan jalinan usaha sama antara pihak industri dan akademik di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

Di bawah MoU itu juga, kedua-dua universiti terbabit akan menjalin kerjasama dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan dan akademik yang meliputi pemindahan ilmu serta pembangunan produk untuk tu-



NAJIB TUN RAZAK bersama para pelabur dalam majlis pengumuman pelaburan Suku Kedua 2015 ECER di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. Turut kelihatan Ahmad Zahid Hamidi - BERNAMA

juan komersial selain pertukaran kakitangan dan pelajar.

Pertukaran MoU seterusnya membabitkan jalinan kerjasama antara ECERDC dengan UnisZA, UMK dan UMP sebagai penyedia latihan untuk Program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan empower ECER di Terengganu, Kelantan dan Pahang.

Empower ECER merupakan program pembangunan modal insan yang dilaksanakan oleh ECERDC bertujuan memperkukuh dan memperkasakan komuniti tempatan di ECER melalui latihan kemahiran akademik dan keusahawanan.

Yang turut hadir dalam majlis tersebut, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid

Hamidi; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob; Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman; Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa.

Dalam pada itu Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC, Datuk Seri Je-

basingam Issace John dalam satu kenyataan berkata, dalam majlis itu turut diumumkan lapan pelaburan baharu bernilai RM2.59 bilion di ECER (bagi suku tahun kedua) mewakili 21.6 peratus daripada jumlah sasaran pelaburan ECER bagi tahun ini.

Berikutan daripada pengumuman pelaburan tersebut, beliau menganggarkan sebanyak 4,832 peluang pekerjaan baharu akan diwujudkan.

Beliau turut memaklumkan, sejak tahun 2007 sehingga Jun lalu, ECER telah berjaya menarik pelaburan dari dalam dan luar negara sebanyak RM78 bilion dan angka itu merupakan 71 peratus daripada jumlah sasaran pelaburan wilayah itu menjelang tahun 2020 iaitu sebanyak RM110 bilion.

Dari segi sektor katanya, kluster pembuatan merupakan penyumbang terbesar dengan nilai pelaburan sebanyak RM44.35 bilion diikuti sektor pelancongan (RM13.56 bilion), bio-ekonomi (RM5.62 bilion) dan minyak, gas serta petro-kimia (RM4.8 bilion).